

# Dr Koh suka fakta, perangkaan

## Ketua Menteri Pulau Pinang mudah didekati rakyat pelbagai lapisan

Oleh Saufi Hamzah

**M**UNGKIN tidak ramai mengetahui bahawa Pemangku Presiden Gerakan, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon adalah seorang yang pandai berjenaka.

Jika sesiapa memberikan ucapan tahniah kepadanya kerana berjaya menyelesaikan sesuatu masalah atau sebagai menghargai sumbangannya dalam sesuatu hal, Ketua Menteri Pulau Pinang itu akan jawab: "Mengapa nak ucap tahniah kepada saya kerana saya sedang bekerja."

Senario itu adalah keunikan yang dimiliki Tsu Koon, 58, yang sama sekali tidak terlalu mementingkan status walaupun memegang jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang dan kini menerajui Gerakan selepas persaraan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, baru-baru ini. Setiap reaksi dan air muka yang diperlihatkan begitu spontan sehingga orang tidak menyangka beliau sebenarnya berjenaka.

Bagaimanapun, kelebihan terpenting yang dimiliki Tsu Koon ialah semangat kantalnya yang luar biasa pada ketika isteri tercinta, Puan Sri Chui Kah Peng menghidap penyakit sehingga menyebabkannya terpaksa berulang alik dari Singapura ke Pulau Pinang dan Kuala Lumpur bagi menghadiri majlis rasmi. Ketika itu isterinya menjalani pembedahan di republik berkenaan.

Biarpun terpaksa senyum dalam tangisan, semangat juangnya untuk berkhidmat kepada parti dan negara tidak pernah tergugat.

Maka kehebatan dan keunggulan Dr Koh amat disedari bekas bosnya, Dr Lim sehingga tidak ragu-ragu berundur diri bagi memberi laluan kepada Dr Tsu Koon untuk menerajui parti itu.

Semestinya watak dan keperibadian beliau sukar kelihatan sebarang kekurangan. Beliau seorang berhati mulia, jujur dan ikhlas, ramuan lengkap yang mudah memikat sesiapa saja tanpa kira bangsa.

Penampilannya yang tidak pernah mencetuskan sentimen perkauman, maka tidak ada alasan bagi mana-mana pihak termasuk kakitangan di pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang di Tingkat 28, Komtar untuk mencari kelemahannya.

Bukti kepemimpinan beliau amat menyerlah kerana kakitangannya datang dari kaum Melayu, Cina dan pernah suatu ketika orang India, dengan masing-masing berkongsi menjalankan tugas yang diamankan.

"Sebab itu semua orang suka beliau (Dr Tsu Koon). Setiap tutur kata beliau mencerminkan keperibadian yang tinggi kerana tidak sekali-kali mahu mencetuskan kemarahan seseorang.

"Beliau bijak melayan ketika berdepan dengan orang ramai. Dalam banyak perkara, baik mesyuarat atau malah ketika

makan tengah hari, beliau tidak pernah menimbulkan persoalan yang menyentuh perkauman.

"Beliau selalu berfikir sebelum bercakap... inilah kekuatan watak seorang pemimpin berkaliber," kata Setiausaha Akhbar Ketua Menteri Pulau Pinang, Zsman Asna.

Tsu Koon adalah seorang insan yang begitu mudah didekati, tidak kira ketika beliau menghadiri majlis di kampung. Beliau tidak kisah untuk makan menggunakan tangan dan tidak memerlukan sudu serta garpu.

Pandai bergaul dan bercampur menambah tarikan kepada diri pemimpin itu, sehinggakan warga tua mudah mendekatinya dan beliau langsung tidak terlalu terikut-ikut dengan protokol berbanding sesetengah orang apabila menjawat jawatan tinggi begitu mementingkan protokol.



**"Saya sanggup pikul amanah ini dengan kerjasama berpasukan dalam parti, dalam Barisan Nasional dan sokongan rakyat"**

**Dr Koh Tsu Koon**  
Pemangku Presiden Gerakan

Hubungan sesama manusia adalah kekuatan yang dimilikinya. Buktinya, pemandu kereta rasminya dan atendan lif di Komtar, berbual begitu mesra pada setiap kali bersemuka.

Beliau yang juga Presiden Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), sering ditanya mengenai perkembangan bola sepak negeri itu. "Beliau akan memberi jawapan setiap kali ditanya. Dia okey," kata atendan lif yang mesra dengan panggilan Pak Man.

Topik perbualan Dr Koh mencakupi banyak bidang dan aspek, sama ada persoalan serius atau remeh-temeh. Topik kegemarannya ialah ekonomi tapi topik lain juga dikuasainya kerana beliau banyak membaca.

"Apa saja yang ada di Pulau Pinang beliau tahu. Pelancongan pun dia tahu... semua benda beliau tahu. Beliau memang sukakan fakta dan perangkaan. Statistik yang lama pun beliau masih ingat. Apabila ada gambar rajah dan perangkaan, beliau cepat mencongak," kata Zsman.

Apabila bercakap hubungan Dr Koh dengan ahli parti termasuk pada peringkat akar umbi, beliau amat diterima kerana wataknya yang suka merendah diri dan ramah.

Jika dibandingkan ketika Datuk Kerk Choo Ting menjadi Timbalan Presiden, bekas Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani itu tidak begitu diterima ahli peringkat akar umbi. Kerk tidak banyak cakap tetapi populariti masih berpihak kepada Dr Koh kerana kesederhanaan dan kelembutan wataknya.

Sehingga saat beliau disahkan sebagai Pemangku Presiden Gerakan lebih seminggu lalu, beliau masih mengekalkan sikap seperti dulu. Malah jawapannya amat berhati-hati kepada penulis yang mengucapkan tahniah atas pelantikannya pada persidangan perwakilan luar biasa parti itu di Kuala Lumpur.

"Tugas ini amat berat," jawab Dr Koh sambil melemparkan senyuman. Di sebalik kelembutan tutur kata Ketua Menteri Pulau Pinang itu tersirat pengertian mendalam mengenai tugas sebagai Pemangku Presiden Gerakan yang kini dipikul Dr Koh.

Beliau bukan orang baru dalam arena politik, lebih-lebih lagi kemasukannya dalam Gerakan bukan sekadar bidan terjun dan melepaskan batuk di tangga. Pemimpin berusia 58 tahun itu, bertanding seawal 1982 atas tiket Gerakan dalam pilihan raya umum bagi kerusi Parlimen Tanjung. Percubaannya membuahkan hasil apabila memenangi kerusi itu.

Mulai saat itu, Dr Koh terus bergelumang dalam arena politik dan mendaki anak tangga jawatan dalam parti sedikit demi sedikit. Beliau dipilih sebagai Ketua Pemuda Gerakan pada 1983 sehingga 1990. Pada masa yang sama, anak kelahiran Pu-

lau Pinang itu menjadi Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Tun Dr Lim Chong Eu ketika itu.

Bintangnya semakin cerah apabila bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Tanjung Bungah dan terbukti sokongan rakyat terhadapnya masih kukuh lalu memenangnya dan kemuncaknya beliau dilantik sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang yang ketiga pada 1990 sehinggalah sekarang berada pada penggal keempat menerajui kerajaan negeri itu.

Ketokohan dan gaya kepemimpinan bekas Dekan Pusat Pengajian Pendidikan Universiti Sains Malaysia (USM) itu menyerlah apabila dipilih sebagai Naib Presiden Gerakan pada 1993 dan tiga tahun berikutnya, beliau memegang jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Gerakan Pulau Pinang. Pada 2005, tidak hairanlah Tsu Koon menonjolkan karisma seorang pemimpin berkaliber apabila dipilih sebagai Timbalan Presiden Gerakan.

Persoalan menarik dibangkitkan Speaker persidangan perwakilan nasional luar biasa parti Gerakan ialah adakah kriteria dan syarat untuk dipilih sebagai Presiden Gerakan mesti mempunyai gelaran Prof atau Dr di hadapan nama.

Gerakan memang secara tradisinya dipimpin golongan cerdik pandai sejak zaman Prof Syed Hussain Alatas, Tun Dr Lim Chong Eu, Keng Yaik dan seterusnya Tsu Koon yang memangku jawatan Presiden sehingga pemilihan parti akan datang.

Tsu Koon dengan resmi padi makin tunduk bila makin berisi, tidak sekali-kali melupakan jasa orang yang selama ini memberikan bimbingan dan tunjuk ajar.

"Saya amat bersyukur kepada Keng Yaik atas segala bimbingan dan panduan beliau selama 25 tahun dalam karier politik saya. Beliau seorang guru dan kawan. Saya pasti bagi kebanyakan, kalau bukan semua pemimpin parti dan ahli, amat bersyukur atas sumbangan beliau.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beliau, kepada pemimpin dan ahli parti kerana memberi sokongan dan dorongan kepada saya untuk menjadi Timbalan Presiden dan selepas 8 April sebagai Pemangku Presiden Gerakan," katanya.

Satu jaminan mengenai keupayaan Koh untuk memimpin Gerakan ke arah kecermerlangan dan kegemilangan selepas ini, apabila beliau menegaskan bahawa dirinya bercadang untuk terus bertugas sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang dan Pemangku Presiden parti berkenaan.

Buat sementara katanya, beliau memang bersedia memegang kedua-dua peranan. "Saya sanggup pikul amanah ini dengan kerjasama berpasukan dalam parti, dalam Barisan Nasional dan sokongan rakyat," katanya sambil menambah tiada kekosongan jawatan Timbalan Presiden sehingga pemilihan parti tahun depan.